

18/10/1999

FIA umum Hakkinen juara (HL)

Saufi Hamzah; Zairee Zahir

SEPANG, Ahad - Pemandu McLaren Mercedes, Mika Hakkinen, diisytiharkan pemenang Grand Prix Formula Satu Malaysia Petronas dan sekali gus memenangi gelaran dunia 1999 selepas perlumbaan berakhir dengan kontroversi akibat pembatalan dua pemandu Ferrari yang menduduki tempat teratas kerana melanggar peraturan teknikal.

Pasukan yang diwakili pemandu Finland itu turut memenangi kejuaraan pengeluar dengan 120 mata berbanding 102 yang dihimpun oleh Ferrari.

Bagaimanapun, keputusan terakhir perlumbaan yang julung-julung kali diadakan di Litar Antarabangsa F1 Sepang itu akan hanya diumumkan selepas proses rayuan rumit dan beberapa mesyuarat membabitkan pegawai perlumbaan.

Perlumbaan itu sebelumnya dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang sebelum kontroversi pembatalan itu timbul.

Lebih tiga jam selepas tamat perlumbaan, Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) membatalkan kereta Ferrari F399 yang dipandu oleh Eddie Irvine dan Michael Schumacher, selepas pembinaan badan kereta didapati tidak mematuhi peraturan. Irvine sebelumnya menduduki tempat pertama dengan Schumacher di tempat kedua.

"Kedua-dua kereta tidak menuruti Artikel 3.12.1 Peraturan Teknikal Formula Satu 1999 FIA," menurut kenyataan badan induk itu.

"Selepas tamat perlumbaan, kereta nombor 3 (Schumacher) dan 4 (Irvine) diperiksa untuk pengesahan pembinaan badan kereta. Apabila memeriksa bahagian bawah badan kereta, didapati bahagian panel pemotong (deflector panels) tidak rata seperti peraturan," kata wakil teknikal FIA, Jo Bauer, dalam kenyataan yang dikeluarkan.

Ferrari berkata mereka akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan FIA tetapi tidak mencabar kenyataan badan induk itu mengenai badan kereta yang tidak mematuhi peraturan.

Menurut kenyataan Bauer, panel pemotong kedua-dua pasukan itu 10mm lebih lebar daripada yang dibenarkan. Panel itu digunakan untuk membantu satu segi aerodinamik kereta yang mampu mempengaruhi kelajuan kereta.

Pasukan Ferrari bagaimanapun bingkas mempertikaikan keputusan FIA.

Pengurusnya, Jean Todt, berkata: "Kami sudahpun mengemukakan rayuan terhadap keputusan itu."

Pegawai perlumbaan berkata keputusan membatalkan kedua-dua kereta Ferrari itu dibuat selepas mendengar penjelasan Todt dan penerangan pegawai FIA.

"Kedua-dua kereta itu adalah dalam bentuk teknikal yang sama seperti Grand Prix sebelumnya di Nurburgring, Jerman," kata Todt. "Dan kereta ini diperiksa setiap hari sejak berada di sini."

Pengarah teknikal Ferrari, Ross Brawn, turut bertegas panel itu tidak langsung memberikan sebarang kelebihan yang tidak adil kepada pasukan berkenaan.

Perubahan keputusan itu memberikan Hakkinen kejayaan dan gelaran dunia buat tahun kedua berturut-turut jika Ferrari gagal dalam rayuan kepada FIA, yang dijangka dibincangkan di Paris atau Geneva.

Pungutan 10 mata untuk Hakkinen sebagai pemenang perlumbaan memberikannya jumlah 72 mata yang tidak lagi boleh dipintas.

Irvine, yang sebelumnya beranggapan memiliki kelebihan 70 mata berbanding 66 milik Hakkinen sebelum perlumbaan terakhir di Suzuka, Jepun, 31 Oktober ini, masih memiliki 60 mata.

Jika kejayaan Hakkinen diperakui selepas tamat proses rayuan yang rumit,
ia adalah kejayaan kelimanya musim ini dan ke-14 dalam kerjayanya.
(END)